

DATE: 22/08/2007

Dokumentasikan perjuangan menuntut kemerdekaan

KUALA LIPIS 21 Ogos - Segala kisah suka duka dan artifak yang berkaitan dengan perjuangan memerdekakan negara perlu didokumentasikan bagi dijadikan rujukan generasi akan datang.

Bekas Askar Melayu dan juga veteran UMNO, Abdul Rashid Mamat, 86, berkata, ia termasuk bekas anggota pasukan keselamatan dan mereka yang pernah bertugas sebelum merdeka yang masih hidup hingga kini.

Katanya, tempat-tempat yang menjadi lokasi acara penting sebelum merdeka juga perlu dipulihara supaya semua pihak tahu mengenai apa yang terjadi pada masa silam.

"Saya berharap kerajaan dengan kerjasama Muzium Negara dan persatuan sejarah dapat membukukan sejarah ini untuk tatapan generasi akan datang," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Kampung Samak Jani di sini, hari ini.

Sehubungan itu beliau menghargai usaha pihak berkuasa tempatan untuk mempopularkan bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan bersejarah yang ulung di Pahang.

Menurutnya, segala bahan sejarah dan artifak di Bandar Kuala Lipis dapat dijadikan bahan kajian selain mendidik generasi muda mengenai perjuangan menuntut kemerdekaan.

Menurutnya, Kuala Lipis terletak di pertemuan sungai Lipis dan Jelai mem-

Tempat-tempat yang menjadi lokasi acara penting sebelum merdeka juga perlu dipulihara supaya semua pihak tahu mengenai apa yang terjadi pada masa silam

Hidup Sebelum Merdeka

punyai latar belakang sejarah yang membanggakan.

Katanya, daerah ini telah banyak menyaksikan darah pejuang-pejuang negara tumpah demi membebaskan tanah air dari belenggu penjajah.

"Kuala Lipis yang pernah menjadi medan tempur antara pahlawan Mat Kilau dengan askar British pada 1892," katanya.

Oleh itu, kata Abdul Rashid, projek memulihara bangunan zaman British abad ke-19 dan monumen lain perlu dijaga dengan baik.

Bandar lama itu terkenal sebagai pusat perdagangan penting pada abad ke-17 hingga ke-19 membabitkan pelbagai barangan termasuk emas, jelutong dan hasil hutan.

Lagi pula katanya, pada satu ketika Kuala Lipis pernah menjadi ibu negeri Pahang iaitu pada 1898 bagi mengganti-

Um - 22/8/2007

ABDUL RASHID MAMAT
Bekas Askar Melayu dan juga veteran UMNO

kan Pekan sebelum ia dipindahkan ke Kuantan pada 1955.


Beliau juga masih ingat bagaimana peritnya hidup di zaman pemerintahan Jepun di mana sekolah-sekolah turut dijadikan markas tentera dan bilik darjah dijadikan bilik tahanan dan tempat seksaan.

Tinggalan penjajah yang masih berdiri megah di Kuala Lipis ialah rumah bernombor 117, Jalan Bukit Bius yang menjadi kediaman Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang termasuk Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussain ketika pernah menyandang jawatan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga dilahirkan di rumah bersejarah berkenaan.

Abdul Rashid merupakan antara kumpulan pertama yang menyertai pasukan Askar Melayu, di mana dia melaporkan diri sebagai rekrut di Port Dickson pada tahun 1939.

Dia yang kini mengalami masalah kurang pendengaran, melahirkan rasa syu-



ABDUL RASHID MAMAT

kur kerana masih sihat dan berbangga dapat menumpahkan jiwa serta raganya mempertahankan negara dari ancaman tentera Jepun dan Darurat pada 1948.

Detik yang turut meninggalkan kesan mendalam di jiwa Abdul Rashid ialah apabila turut hadir di Stadium Merdeka melihat Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj melaungkan ungkapan 'Merdeka' menandakan negara bebas dari cengkaman penjajah.